

23/09/1999

Keliruisme parti pembangkang

Al Azzharri Siddiq Kamundri

TULISAN saya bertajuk "Bahaya Orientalis Baru bertapak Semula" (23 Julai 1999, Berita Harian) mendapat ulasan yang mengejutkan daripada rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia. Ramai bertanya mengapa saya mengkritik terlalu berat terhadap tokoh akademik, agama dan pengamal perubatan, Datuk Dr Harun Din.

Saya harap jawapan ini dapat menterjemahkan realiti sebenar di sebalik cerita dengar cakap yang bertaburan di lebuhraya Internet sekarang.

Secara peribadi, saya tidak mempertikaikan kealiman beliau daripada sudut ilmu, agama dan perubatan Islam. Cuma sebagai rakyat yang mempunyai negara dan ketua, kita tidak dapat menerima ungkapan "gila" seperti mengeluarkan Perlis dari Malaysia, menghina Sultan Kelantan, menyambut ketibaan orang bukan Islam dengan laungan suci "Allahu Akhbar", menyimpan berkotak-kotak surat rasmi negara di luar negara, menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, nazak di kota Makkah dan istilah tidak bertamadun seperti Botol Cap Anjing (sepatutnya Bersih, Cekap, Amanah), shit, pu**mak, anjing kerajaan dan Firaun. Semua tuduhan ini adalah tidak bertamadun.

Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan menyatakan sesiapa yang didapati tidak suka dan tidak setia kepada negara Malaysia, kerajaan mempunyai hak untuk melucutkan kerakyatannya. Malah, kebebasan bersuara yang diperuntukkan juga menambah hal lain iaitu melarang keras bercakap isu-isu sensitif yang boleh memudaratkan keamanan negara. Adakah mereka tidak membaca Perlembagaan? Anda bertanya kenapa saya melenting apabila isu kenegaraan dibangkitkan. Sebabnya mudah. Kita mempunyai pengalaman di Sabah ketika isu mengeluarkan Sabah dari Malaysia sedang hangat. Pengajaran ini memberi pengalaman peribadi kepada saya betapa kita mesti berhati-hati apabila menyentuh konsep kenegaraan. Apakah kita mahu sebuah Timor Timur berlaku di Malaysia?

Bukan setakat Dr Harun Din. Ia juga ditujukan kepada mereka yang tidak sedar tindakan mereka yang mirip kepada tindakan sosialis dan fasis (mengumpul orang ramai dan meniup semangat antinegara). Di mana jati diri mereka? Apakah tokoh-tokoh Islam seperti As-Syahid Maulana Maududi, As-Syahid Hasan Al-Hanna, As-Syahid Syed Qutb yang berjuang mempertahankan negara mereka dengan nilai Islamik yang tinggi (takrifnya ialah nasionalisme Islam) ditakrifkan kafir dan terkeluar daripada Islam sebenar sebagaimana dimaksudkan oleh Pas? Atau, adakah beliau ditegah daripada dikritik dan semua ucapannya benar belaka.

Saya tidak bersetuju tuduhan bahawa pemimpin Umno tidak boleh dikritik. Mengikut pengalaman, penulis pernah menghantar surat kritikan yang cukup panjang lebar berkenaan perjalanan mesyuarat agung satu bahagian Umno di Sabah pada awal 1990-an dulu. Setiausaha Agung Umno ketika itu, Datuk Mohamed Rahmat, boleh mengesahkannya. Ketika belajar di Johor Bahru, penulis mengkritik Pemuda Umno Sabah kerana mempertikaikan usaha Perdana Menteri untuk meneruskan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah (Berita Harian, 1996). Malah, ketika berusia 18 tahun (1989), penulis menyiapkan sebuah manuskrip bertajuk "Dilema Melayu Sabah" sebagai menyambut kedatangan Umno ke Sabah. Buku itu mengkritik kepemimpinan BN-USno yang lama (Fajar Bakti; 1990). Yang manisnya, buku itu mewakili pandangan belia yang dikatakan oleh parti alternatif sebagai belia memusuhi Umno. Bagaimana pula sambutan siswa universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ketika dialog bersama Perdana Menteri baru-baru ini. Ternyata parti

alternatif membuat tuduhan tidak tepat berkaitan sokongan siswa terhadap perjuangan kerajaan.

Saya percaya prinsip kesetiaan kepada parti dan keikhlasan berjuang untuk kelangsungan agama dan bangsa Melayu sangat penting untuk meneruskan kejayaan wawasan ketamadunan bangsa Melayu pada alaf baru. Umno masih relevan kepada bangsa Melayu, cuma pemimpin yang sudah menikmati kekuasaan, kemewahan, kemakmuran, dan kekayaan apabila jatuh tersingkir dari Umno kemudian mencaci dan menconteng arang di muka sendiri. Itulah pemimpin yang tidak rasional dan tidak lagi relevan. Mereka ini akan bertindak seperti si Kitul yang akan menjahanamkan bangsa Melayu. Bolehkah orang seperti ini yang bertaburan dalam Parti Keadilan Nasional (Keadilan) boleh dipercayai dalam pilihan raya nanti? Ternyata merekalah yang mengamalkan kronisis dan nepotisis.

Saya mengiktiraf Pas sebagai parti politik yang wujud selepas ahli-ahlinya keluar daripada Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (Pekembar) dan mereka menyertai sistem demokrasi berparlimen yang mereka tuduh sebagai undang-undang kafir (Haji Hadi Awang menganggapnya sebagai Perlembagaan Lord Reid) tapi beliau menjadi ahli dalam sistem demokrasi yang dianggapnya sekular itu. Inilah peliknya ulama politik (meminjam kata-kata rencana pengarang akhbar Indonesia).

Orang Melayu yang berada dalam Pas sebenarnya dihinggapinya penyakit keliruisme. Contoh terbaru ialah apabila ahli-ahli sebuah parti menyambut tokoh bukan Islam yang pernah melaungkan "langkah mayat saya dulu jika Pas menubuhkan negara Islam di Malaysia", dengan takbir suci Allahuakbar.

Sepatutnya orang yang menganggap diri mereka tersohor seperti Dr Harun Din haruslah memberi nasihat dengan cara ilmiah dan berilmu, bukan dengan cara sentimen dan emosi, kerana beliau pernah menjadi sebahagian daripada elemen kerajaan.

Sebab itulah awal-awal lagi saya sudah nampak ketidakwajaran perjuangan Pas khususnya di Sabah. Saya menolak kemasukan parti Pas ke Sabah kerana perjuangan mereka lebih banyak membawa kemudaratannya daripada kebaikan. Pembangunan mereka ialah pembangunan menceleh. Malah baru-baru ini seorang penyokong kuat Pas dalam sebuah majalah mengeluarkan kebosanan terhadap Pas kerana terlalu banyak bercakap.

Saya juga tidak bersetuju tuduhan bahawa kepemimpinan Umno mengeksploitasi jentera kerajaan khususnya pihak polis untuk mengugut dan menakut-nakutkan rakyat. Dalam perlembagaan sesebuah kerajaan, bidang kepolisan adalah elemen paling penting untuk menjaga kesejahteraan rakyat. Sejarah membuktikan pemimpin Umno lebih ramai dipenjarakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA). Bezanya apabila pemimpin Pas ditangkap ia diperbesar-besarkan.

Sekarang adalah masa terbaik untuk menghuraikan kesalahfahaman pihak tertentu yang turut mengheret kesatuan dan kesantunan rakyat berbilang kaum ke arah kehancuran. Pas khususnya atau pun Keadilan sudah menjadi caca-merba apatah lagi dengan persekongkolan mereka dengan DAP. Saya melihat berkat kesabaran kepemimpinan Umno menangani isu semasa mula membuahkan hasil. Contohnya, rakyat sudah faham tindakan kawalan modal, penyatuan bank, penolakan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan sebagainya. Masalah lain ialah Pas pula masih gagal meyakinkan rakyat (khususnya orang Melayu) isu yang sepuluh tahun lalu, diringkaskan begini:

Apakah sebabnya Pas masih tidak menarik balik tuduhan mereka bahawa ahli-ahli Umno dan parti Umno sebagai kafir? Apa pula gerangannya persekongkolan Pas dengan DAP?

Pemimpin Keadilan ada menyatakan dalam sebuah wawancara dengan sebuah majalah bahawa Keadilan belum dapat menerima konsep "negara Islam" oleh Pas dan "Malaysian Malaysia" oleh DAP. Di Sabah, Presiden Parti Bersatu

Sabah (PBS) Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan memberi amaran kepada parti-parti pembangkang nasional supaya tidak mengganggu mereka di Sabah. Nampaknya program Pas, menggelabah dan menakutkan rakyat khususnya orang Melayu.

Pas tidak boleh memartabatkan dirinya sebagai satu-satunya parti berlandaskan Islam dan mencanangkan parti lain sebagai kafir.

Mengambil contoh terdekat, ketika khutbah hari raya, seorang ahli Pas yang juga guru dalam khutbahnya menghina dan mencerca negara dan kerajaan, kepimpinan Dr Mahathir dan sebagainya. Apakah rasionalnya sebuah khutbah hari raya dihidangkan khutbah menghina dan mencerca? Adakah mereka tidak tahu beradab dan bertata susila? Mereka membawa imej sombong dan memandang orang kampung sebagai bodoh. Mereka dihantar ke Sabah untuk mendidik anak bangsa bukan untuk menghasut mereka mencaci negara? Tidakkah mereka tahu disiplin sebagai pegawai kerajaan? Sebab itulah saya awal-awal lagi menulis sekitar awal 1990-an bahawa Pas tidak relevan di Sabah. Makmum hendak mendengar nasihat dan peringatan mengenai Islam bukannya hendak mendengar carut politik?.

Dalam isu Anwar, ahli-ahli Umno dan orang Melayu dimomok kononnya Umno membenci Anwar. Ternyata Pas dan Keadilan lebih memburukkan keadaan dan masa depan Anwar, bukannya Umno. Jika pun ada isu, anda seharusnya bertanya kepada diri anda mengapa Anwar sehingga sekarang masih tidak menyertai Pas, Keadilan, ataupun DAP. Adakah beliau masih mempercayai dan mengharapkan keajaiban dalam Umno? Saya berharap sedikit tulisan ini dapat menerangkan kecelaruan yang berlaku. Sebagai negara yang merdeka, kita hendaklah bersatu padu kerana kita tidak mahu tragedi Timor Timur berlaku di Malaysia. Kita tidak mahu peristiwa Ambon tercetus di sini dan merampas kebahagiaan kanak-kanak untuk mengecapi kebahagiaan dan keharmonian hidup sebenar.

Kepada Datuk Dr Harun Din, Ruslan Kassim, Mohd Nor Azam, Dr Badrul Amin, Dr Hassan Ali (sekadar beberapa nama yang dilahirkan dan masih menikmati zaman kemewahan dalam kerajaan) dan mereka yang seangkatan dalam parti alternatif, ingin saya berpesan bahawa usahlah menyalahkan Umno hanya kerana negara Islam belum terlaksana. Baginda Rasulullah SAW mengambil masa 23 tahun untuk menubuhkan negara Islam Madinah. Ia tidak terlaksana sekelip mata. Adakah anda semua sudah lupa?